

ARTIKEL MAJUTAN JABATAN PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA BAGI JULAI HINGGA DISEMBER 2024

BENGKEL HUTAN TANAH KERAJAAN (HTK) KE HUTAN SIMPANAN KEKAL (HSK) NEGERI PERAK BILANGAN 1 TAHUN 2024

**DISEDIAKAN OLEH:
AZHAR BIN ANUAR
JABATAN PERHUTANAN NEGERI PERAK**

TAIPING, 2– 5 SEPTEMBER 2024

Hutan hujan tropika yang terdapat di seluruh Malaysia merupakan khazanah negara yang penting dalam menjamin kestabilan ekosistem di peringkat domestik, serantau dan global selain turut menyumbang kepada pembangunan sosioekonomi negara. Justeru, kawasan hutan yang masih ada di negara ini perlu diuruskan secara sistematik kerana sekiranya dibiarkan tanpa kawalan, ia akan menggugat kestabilan alam sekitar termasuk kepelbagaian biologi dan ekosistem yang terdapat di dalamnya. Malaysia komited dalam memelihara dan memulihara kawasan berhutan dan khazanah kepelbagaian biologinya demi mengekalkan sekurang-kurangnya 50 peratus daripada keluasan tanah negara dilitupi pokok-pokok dan kawasan hutan selaras dengan komitmen negara semasa Sidang Kemuncak Bumi di Rio de Janeiro, Brazil pada 1992.

Menyedari kepentingan hutan dan sasaran 50% daripada keluasan negara adalah kawasan berhutan dan dilitupi pokok, maka Jabatan Perhutanan Negeri Perak mengambil inisiatif untuk menganjurkan Bengkel Hutan Tanah Kerajaan (HTK) ke Hutan Simpanan Kekal (HSK) Negeri Perak Bilangan 1 Tahun 2024 pada 2 hingga 5 September 2024 bertempat di Hotel Taiping Perdana, Taiping. Inisiatif ini adalah selari dengan komitmen jitu Kerajaan Negeri sepertimana digariskan dalam Rancangan Fizikal Negara (RFN) Ke- 4, Strategi Pelaksanaan 21.1 dalam Rancangan Struktur Negeri Perak 2040 serta Pelan Perak Sejahtera 2030. Dalam usaha untuk mencapai 50 peratus daripada keluasan Negeri Perak merupakan kawasan berhutan, Kerajaan Negeri Perak sangat komited dalam menggerakkan inisiatif Menangani Perubahan Iklim dengan merealisasikan Agenda Program Penghijauan Malaysia melalui Kempen Penanaman 100 Juta Pokok yang dilancarkan pada 5 Januari 2021. Agenda ini bagi

memastikan kawasan berhutan di Negeri Perak khususnya di dalam Hutan Simpanan Kekal terus terpelihara.

Penganjuran Bengkel Hutan Tanah Kerajaan (HTK) ke Hutan Simpanan Kekal (HSK) Negeri Perak Bilangan 1 Tahun 2024 merupakan salah satu usaha murni untuk mencapai sasaran tersebut dengan mengenalpasti dan mengumpulkan maklumat kawasan berhutan khususnya HTK yang berpotensi untuk dijadikan sebagai HSK. Di samping itu, melalui bengkel ini juga secara tidak langsung dapat mengenal pasti, bertukar-tukar maklumat dan mengemaskini sempadan kawasan HSK dan Tanah Kerajaan serta Tanah Bermilik. Antara pengisian program di dalam bengkel ini adalah ceramah/taklimat dan perbincangan kumpulan mengikut daerah hutan. Penganjuran bengkel ini juga adalah selari dengan Tindakan 5.1b bagi Inisiatif Pelaksanaan 5 di bawah PIRECFS 2022 iaitu untuk Mengukuhkan Peruntukan Undang-undang Akta Perhutanan Negara 1984 [Akta 313].



Gambar 1: Taklimat penerangan Bengkel Hutan Tanah Kerajaan (HTK) ke Hutan Simpanan Kekal (HSK) Negeri Perak Bilangan 1 Tahun 2024



Gambar 2: Taklimat penerangan Bengkel Hutan Tanah Kerajaan (HTK) ke Hutan Simpanan Kekal (HSK) Negeri Perak Bilangan 1 Tahun 2024



Gambar 3: Perasmian Bengkel Hutan Tanah Kerajaan (HTK) ke Hutan Simpanan Kekal (HSK) Negeri Perak Bilangan 1 Tahun 2024



Gambar 4: Perasmian Bengkel Hutan Tanah Kerajaan (HTK) ke Hutan Simpanan Kekal (HSK) Negeri Perak Bilangan 1 Tahun 2024



Gambar 5: Perbincangan Bengkel Hutan Tanah Kerajaan (HTK) ke Hutan Simpanan Kekal (HSK) Negeri Perak Bilangan 1 Tahun 2024



Gambar 6: Perbincangan Bengkel Hutan Tanah Kerajaan (HTK) ke Hutan Simpanan Kekal (HSK) Negeri Perak Bilangan 1 Tahun 2024



Gambar 7: Perbincangan Bengkel Hutan Tanah Kerajaan (HTK) ke Hutan Simpanan Kekal (HSK) Negeri Perak Bilangan 1 Tahun 2024



Gambar 8: Perbincangan Bengkel Hutan Tanah Kerajaan (HTK) ke Hutan Simpanan Kekal (HSK) Negeri Perak Bilangan 1 Tahun 2024